

30 APR 2001  
KLIA-STRATEGI  
STANDARD PERKHIDMATAN BARU UNTUK KLIA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan standard-standard perkhidmatan baru di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sebagai sebahagian daripada strateginya untuk menjadikan lapangan terbang yang bernilai RM10 bilion itu sebagai pusat penerbangan utama di rantau ini.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, strategi itu termasuklah standard-standard operasi baru yang menepati amalan-amalan antarabangsa, terutamanya yang berkaitan dengan pengendalian bagasi dan perkhidmatan pengangkutan.

Antara lainnya, tempoh penghantaran bagasi akan dikurangkan daripada tempoh minimum 20 minit pada masa ini, sementara langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki perkhidmatan teksi dan limosin di terminal ketibaan.

Kerajaan akan meneruskan perjanjian-perjanjian dua hala dalam usaha mendapat hak pendaratan tambahan, sama ada menambah kekerapan penerbangan atau membuka destinasi-destinasi baru.

Pada masa yang sama, hubungan antara KLIA dan jalan-jalan keluar masuk sekunder dirantau ini akan dipertingkatkan.

Untuk memudahkan cara mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan operasi penerbangan, perbincangan dan dialog akan terus diadakan antara kerajaan dan para wakil syarikat penerbangan, iaitu Jawatankuasa Pengendali-pengendali Lapangan Terbang (AOC) dan Perwakilan Lembaga Penerbangan (BAR) dalam usaha-usaha meningkatkan standard-standard perkhidmatan.

MTEN berkata langkah-langkah ini diambil sejurus selepas pengumuman inisiatif baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Inisiatif-inisiatif ini ialah untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi dalam mengharungi kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat.

Inisiatif-inisiatif itu menggesa Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) memperkenalkan KLIA secara agresif sebagai pusat serantau. MAHB telah diarah untuk mengkaji strategi-strategi dan pengalaman pusat-pusat serantau dan antarabangsa yang lain.

Dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, MTEN menegaskan betapa pentingnya memajukan KLIA untuk menjadikannya pusat penerbangan serantau di mana perunding persendirian telah dilantik oleh kerajaan untuk memulakan kajian menyeluruh menjadikan KLIA pusat serantau yang berjaya.

Kajian itu yang akan siap dalam tempoh beberapa bulan akan datang antara lainnya akan memasukkan strategi-strategi sederhana dan jangka panjang ke arah kekerapan penerbangan di KLIA.

MTEN berkata inisiatif-inisiatif ini diperkenalkan walaupun KLIA telah dinamakan sebagai lapangan terbang terbaik kedua di dunia oleh Kajian Lapangan Terbang Dunia 2001, di mana KLIA menerima 11.45 peratus undian daripada sejumlah 412,887 pengembara global dari 45 buah negara.

Undian tertinggi diperolehi oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong (HKIA) 26.11 peratus sementara Lapangan Terbang Changi Singapura (10.64 peratus) tempat ketiga, diikuti dengan Dubai (8.55 peratus), Helsinki Vanta (6.64 peratus), Amsterdam Schiphol (5.40 peratus), Vancouver (4.45 peratus), Copenhagen (3.66 peratus), Denver International (2.30 peratus) dan Manchester (2.02 percent).

Keputusan kajian ini yang dikendalikan oleh Skytrax Research (dahulunya dikenali sebagai Inflight Research Services) yang berpangkalan di United

Kingdom, dikeluarkan baru-baru ini. Ia dikendalikan dalam tempoh lima bulan antara November 2000 dan Februari 2001.

Tempat kedua untuk KLIA ini merupakan satu peningkatan dari tahun 1999 di mana ia berada di tempat keenam terbaik dalam kategori keseluruhan Persatuan-persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) Global Airport Monitor. -- BERNAMA

SHO FR AA